

Kerah kudrat kayuhan tangan jual ais krim

Ais Krim: Berjalan dan bekerja dengan hanya menggunakan kudrat tangan, seorang pemuda yang mengalami sindrom down yang turut cacat fizikal di kaki tidak pernah menjadikan kecacatan itu sebagai penghalang untuknya berdaya mencari rezeki.

Setiap hari pada jam 4 petang, Mohamad Ridzuan Khalid, 28, dari Kampung Padang Koryu, Mukim Telaga Mas di sini, akan mengayuh basikal roda tiga yang direka khas untuknya ke beberapa kampung bagi menjual dan masin, ais krim Malaysia dan kaffi si-pul.

Memutusnya dia lebih senang melakukan kerja itu bilapun terpaksa mengerah kesihatan tangannya ke tahap maksimum demi se-muap nasi.

"Sejak tahun lalu saya terfikir untuk mencari rezeki sendiri daripada ternak mengu-rangkan hartanah orang, mampulah penduduk kampung ini prihatin dengan nasib saya dan mereka mengumpulkan dana bagi mencipta sebuah basikal roda tiga yang dapat dikayuh dengan tangan serta membawa barang jualan.

"Saya kayuh dari kampung ke kam-pung yang lain, yang paling laris ialah ais krim Malaysia terutama pada musim pa-rnas, ka-dang ka-dang saya hanya dapat menjual kira-kira RM4 sehingga RM20 se-hari dan ada kalanya pu-lang hampa," kata anak tunggal ini.

Dia kini berhasrat untuk membeli sebuah motosikal roda tiga bagi memulai ha-rangannya ke tempat yang lebih jauh selain memudah-kannya bergerak berdepan kerap sakit badan dan ta-ngan berkekurian mengayuh basikal.

"Saya perlukan sebuah motosikal bagi memudah-

kan pergerakan, setiap kali kayuh basikal, habis se-turuh badan akan sakit te-rutama di bahu dan ta-ngan.

"Selain itu, saya tidak mahu terlalu bergantung kepada saudara mara, me-reka sudah banyak mem-bantu sejak saya kecil, de-ring adanya motosikal se-kurang-kurangnya saya da-pat bergerak sendiri ke mana-saja," katanya.

Bercerita lanjut, Moha-mad Ridzuan berkata, dia bersyukur dibesarkan dengan baik oleh ibunya, Rodziah Nik Cha, 53 yang juga OKU (hendam) setela-h berpisah de-ngan bapaknya sejak kecil.

Kata

nya, walaupun me-nerima bantuan ke-wangan daripada ja-batan Kebajikan Ma-syarakat (JKM) se-banyak RM100 sebulan, namun dia tetap mahu bekerja bagi membuat sedikit simpanan untuk digunakan ketika kece-masan dan sakit.



☞ Saya tidak mahu terlalu bergantung kepada saudara mara, mereka sudah banyak membantu sejak saya kecil

Mohamad Ridzuan Khalid